



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Perpustakaan
Tun Abdul Razak
Cawangan Melaka



PAMERAN MAYA

Sejarah Israak Et Mikraj

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
UiTM CAWANGAN MELAKA

01 MAC 2022

Apa itu Israak?

Perjalanan dari **Masjidil Haram** ke **Masjidil Aqsa**

Apa itu Mikraj?

Perjalanan dari **Hadhratul Quddus** untuk menemui Allah

BERLAKU PADA MALAM **27 REJAB**

TURUN KEWAJIPAN MENUNAIKAN **SOLAT 5 WAKTU**

5 Kemuliaan yang dijanjikan Allah

Diangkat dari **kesempitan hidup (dunia)**

Diangkat dari **seksaan kubur (alam kubur)**

Diberi suratan **sebelah kanan (mahsyar)**

Mendapat laluan **mudah dan pantas di atas Titian Sirat**

Masuk syurga tanpa dihisab

Sebelum Israk Et Mikraj

APA YANG DIALAMI **RASULULLAH S.A.W?**

Pembedahan dada dan perut

Hati dicuci dengan air zam-zam

Dada dijahit dan dimeteri dengan
"khatimin nubuwwah"

Didatangkan Buraq

Semasa Israk

Apa yang dialami **RASULULLAH S.A.W** semasa berlakunya Israk Mikraj?

Perjalanan Rasulullah diiringi oleh
Malaikat Jibril

Rasulullah berhenti dan solat 2 rakaat di :

Negeri Thaibah (Madinah) Bukit Tursina

Baitul Laham



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Perpustakaan
Tun Abdul Razak
Cawangan Melaka



*Peristiwa yang disaksikan
sepanjang
Israk Et Mikraj*

Peristiwa yang disaksikan sepanjang Israk

Kaum yang sedang bertanam dan terus menuai hasil tanaman mereka. Setelah dituai, keluar semula hasil yang baru:

- Golongan **FISABILILLAH** yang digandakan pahala kebajikan sehingga 700 kali ganda dan lebih

Tempat baunya harum:

- Bau kubur Masyitah, suami dan anak-anaknya yang dibunuh oleh Fir'aun tetapi tetap teguh beriman kepada Allah

Sekumpulan orang memecahkan kepala sendiri berulang-kali

- Berat kepala untuk sujud kepada Allah (**Sembahyang**)

Sekumpulan orang yang hanya menutup kemaluan mereka dengan secebis kain, dihalau seperti binatang ternakan, makan bara api dan batu dari Neraka Jahannam

- Orang yang tidak mengeluarkan **zakat harta** mereka

Peristiwa yang disaksikan sepanjang Israk

Sekumpulan lelaki dan perempuan memakan daging yang busuk, sedangkan daging yang masak ada disisi mereka

- Lelaki dan perempuan yang melakukan zina sedangkan masing-masing mempunyai isteri / suami

Lelaki yang berenang di sungai darah dan dilontar batu

- Orang yang makan **Riba**

Kaum yang menggunting lidah dan bibir mereka dengan gunting besi berulang-kali

- Orang yang membuat fitnah

Kaum yang mencakar muka dan dada mereka dengan kuku tembaga

- Orang yang mengumpat & menjatuhkan maruah orang lain

Peristiwa yang disaksikan sepanjang Israak

Lembu jantan yang besar keluar dari lubang yang sempit tetapi tidak dapat memasuki lubang itu semula

- Orang yang **Takkabur**

Seorang perempuan tua yang duduk di tengah jalan dan menyuruh Rasulullah S.A.W berhenti

- Orang yang mensia-siakan usianya sehingga tua

Tiba di Masjidil Aqsa, Rasulullah S.A.W turun dari buraq.

Mengimamkan solat 2 rakaat dengan semua para anbia menjadi makmum

Rasulullah S.A.W rasa dahaga dan Jibril membawa 2 bekas berisi arak dan susu

Apakah pilihan Rasulullah S.A.W?



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Perpustakaan
Tun Abdul Razak
Cawangan Melaka



Peristiwa Semasa Mikraj

Semasa Mikraj

- **Perjalanan Rasulullah S.A.W dari Hadratul Quddus untuk menemui Allah**
- **Didatangkan mikraj (tangga) yang indah**
- **Rasulullah S.A.W diiringi oleh Jibril naik ke tangga pertama, lalu terangkat ke Pintu Langit Dunia**



Langit
Pertama

- **Berjumpa Nabi Adam a.s**
- **Apa yang Rasulullah S.A.W lihat ?**
 - a) Orang yang makan riba dan harta anak yatim
 - b) Penzina lelaki bergantung pada susu penzina perempuan



Langit
Kedua

- Berjumpa **Nabi Isa A.S**
dan **Nabi Yahya A.S**



Langit
Ketiga

• Berjumpa
Nabi Yusuf A.S

A decorative golden archway with two hanging lanterns on either side, set against a teal background with a repeating geometric pattern. The archway is made of a thick, golden frame. Two golden lanterns hang from the top of the archway, each suspended by a chain of small golden rings. The lanterns have a tiered, dome-like top and a body with arched openings. The background is a teal color with a repeating geometric pattern of interlocking lines forming a lattice-like structure.

Langit
Keempat

• Berjumpa
Nabi Idris A.S



Langit
Kelima

- Berjumpa
Nabi Harun A.S
yang dikelilingi
kaumnya **Bani Israil**

Langit
Keenam

- Berjumpa **Nabi Musa A.S** bersama umatnya seramai 70,000 orang yang masuk syurga tanpa dihisab.



Langit
Ketujuh

- Berjumpa **Nabi Ibrahim A.S** yang sedang bersandar di **Baitul Ma'mur** bersama kaumnya

Sabda Nabi Ibrahim A.S:

'Engkau akan berjumpa dengan Allah malam ini. Umatmu adalah akhir umat dan terlalu dha'if . Maka berdoalah untuk umatmu'



Tangga
Kelapan

Apa yang Rasulullah s.a.w
lihat??

- *Dahan pokok*
Sidratul Muntaha
- *Sungai*
Al-Kautsar
- **Syurga & Neraka**
(serta Penjaganya)



Tangga
Kesembilan

Apa yang Rasulullah s.a.w
lihat??

- *Rasulullah menaiki satu cahaya sehingga sampai ke sebuah katil yang dihiasi dengan lampu-lampu yang indah*
- *Seorang lelaki hilang dalam cahaya **Arasy***

Tangga
Kesepuluh

- *Rasulullah S.A.W sampai di*
Hadratul Quddus dan
Hadrat Rabbul Arbab
- *Rasulullah S.A.W*
menyaksikan Allah S.W.T
depan matanya lantas sujud

اللَّهُ أَكْبَرُ

Selepas Pertemuan Rasulullah s.a.w dengan Allah s.w.t

- Allah S.W.T berkenankan Rasulullah S.A.W sebagai kekasih, penyampai berita gembira dan amaran kepada umat Islam.
- Umat Rasulullah S.A.W diberi keutamaan pada Hari Kiamat
- Dikurniakan surah Al Fatihah
- Dikurniakan ayat-ayat akhir surah Al Baqarah

Selepas Pertemuan Rasulullah s.a.w dengan Allah s.w.t

- Diberi habuan kelebihan Islam
- Rasulullah dikurniakan panji-panji Liwaul-Hamd
- Difardhukan solat 50 waktu
- Rasulullah S.A.W merayu dikurangkan 5 waktu sehari

Peristiwa Israk Et Mikraj

● BAITULMAQDIS ADALAH HARTA UMAT ISLAM

Bumi palestina adalah bumi barakah yang menjadi tempat pilihan Allah untuk berlakunya peristiwa penting dalam sejarah iaitu Israk Mikraj. Ini membuktikan tanah suci ini dimuliakan Allah dan wajib dipertahankan oleh semua umat Islam.

● KEPENTINGAN SOLAT FARDU LIMA WAKTU

Rasulullah SAW telah menerima perintah solat Fardu secara langsung daripada Allah tanpa melalui perantaraan. Ini menunjukkan keistimewaan dan kelebihan ibadah solat berbanding ibadah yang lain.

● MENGAKUI KEBESARAN ALLAH DAN KEHEBATANNYA

Allah telah memperlihatkan kepada Rasulullah SAW keagungan kerajaannya yang tiada terbatas. Peristiwa ini mendidik manusia untuk merasa diri kerdil di hadapan Allah SWT dan mengakui hakikat diri sebagai hamba Allah.

● MENJAUHI PERKARA MUNGKAR DAN YANG DILARANG

Semasa Israk Mikraj, Rasulullah SAW dibawa meninjau suasana di neraka dengan pelbagai bentuk balasan dan penyiksaan ke atas orang-orang yang ingkar kepada Allah. Ini memberi iktibar kepada kita supaya menjauhi perkara yang dilarang oleh Allah.

● GALAKAN UNTUK SENTIASA MEMINTA KEPADA ALLAH SWT

Peristiwa Nabi berulang alik berjumpa Allah SWT untuk meminta keringanan waktu solat memberi gambaran kepada kita supaya tidak jemu memohon doa kepada Allah dan tidak mudah berputus asa dalam meminta Allah untuk mengabulkan doa dan permintaan kita.

● KESEDIHAN TERHADAP DUNIA, PENGUBAT RINDUNYA ADALAH ALLAH SWT

Peristiwa Israk Mikraj adalah hadiah daripada Allah untuk mengubati hati dan kesedihan Nabi Muhammad saw setelah melalui ujian besar dengan kematian isteri baginda, Siti Khadijah dan bapa saudara baginda, Abu Thalib. Ini sekaligus menunjukkan bahawa Allah SWT sebaik-baik sandaran ketika sedih dan kecewa.

Rujukan

- <https://ecentral.my/cuti-umum/israk-dan-mikraj/>
- <https://www.utusan.com.my/premium/2022/02/israk-mikraj-serta-pengajaran-peristiwa-kepada-umat-manusia/>
- <https://www.mstar.com.my/xpose/addin/2020/03/22/isra-mikraj>
- Puan Roslinah Bt. harun **(Staf PTAR KAG)**



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Perpustakaan
Tun Abdul Razak
Cawangan Melaka



PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
UiTM CAWANGAN MELAKA